

18 JUN 2002

Umno-Senai

AZIZ GESA ADAM BERCAKAP PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Naib Ketua Pemuda Umno Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir menggesa ketua Umno Bahagian Senai Datuk Adam Abdul Hamid tampil berucap pada Perhimpunan Umno yang bermula Khamis ini untuk menyatakan pandangannya berhubung isu pendidikan.

Katanya, kesemua perwakilan sudah pasti ingin mendengar pandangan Adam yang tidak berpuas hati dengan kaedah Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad menggendalikan isu-isu pendidikan.

"Saya percaya ramai perwakilan mahu mendengar pandangan Datuk Adam dan beliau patut bercakap pada persidangan Umno ini agar semua perwakilan memahami maksud beliau sehingga membuat usul undi tidak percaya kepada Tan Sri Musa pada mesyuarat Umno bahagian itu", katanya kepada Bernama pada majlis perasmian Expo Pemuda Umno Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Adam sepatutnya menggunakan saluran Umno untuk bercakap dan bukannya mengusul undi tidak percaya kepada pemimpin kerana itu bukannya budaya Umno."

Mengenai dakwaan seorang Anggota Jawatankuasa Umno Bahagian Pulau Dr Mohamed Azam Rauzan kononnya perwakilan tidak bebas bercakap untuk mengkritik dan memberi pandangan pada persidangan perwakilan parti, beliau berkata dakwaan itu adalah tidak tepat kerana Umno tidak pernah tutup mulut sesiapa pun.

Aziz berkata sesiapa sahaja bebas untuk memberi kritikan membina tetapi mereka harus bertanggungjawab atas apa yang mereka perkatakan.

"Mereka harus bercakap pada fakta dan Umno tidak pernah tutup mulut perwakilannya tetapi mereka harus tidak emosi dan bertanggungjawab atas apa yang mereka cakap", kata beliau.

Dr Mohamed Azam dalam satu artikel yang dituliskannya dalam sebuah akhbar tempatan berbahasa Melayu mendakwa perwakilan selalunya tidak bebas bercakap kerana diminta untuk menjaga imej ketua perhubungan Umno negeri masing-masing.

Katanya, disebabkan itu, persidangan Umno tidak dapat menjadi satu platform untuk sekatan dan imbalan bagi parti itu.

Beliau juga mendakwa perwakilan Umno masih mengamalkan budaya mengangguk dan tidak bercakap secara bebas bagi memberi sebarang pandangan yang mengkritik.

Aziz berkata Pemuda juga akan membangkitkan isu pendidikan dan Pemuda juga memahami kekecewaan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pencapaian pelajar Melayu.

Katanya, isu itu akan dibincangkan agar hak keistimewaan orang Melayu tidak menjadi satu eksperimen yang boleh menggugat kelebihan peluang anak-anak Melayu untuk mendapat tempat di institusi pengajian.

Pemuda juga akan membangkitkan isu kegagalan dunia korporat di kalangan orang Melayu yang terlalu berkait rapat dengan politik sehingga jatuh bangunnya perniagaan mereka adalah ditentukan oleh jatuh bangunnya seseorang menteri.

"Implementasi untuk melahirkan usahawan perlu dibaiki kerana ramai di antara ahli-ahli perniagaan sering tumbang apabila "ketua" mereka iaitu menteri kewangan tidak lagi memegang jawatan itu," katanya.

Katanya, hasrat untuk melahirkan sekurang-kurangnya 30 peratus usahawan Melayu yang berjaya dalam dunia korporat tidak akan tercapai selagi usahawan itu dilahirkan oleh menteri-menteri kewangan.

--BERNAMA  
AZE ZS RHM